

Dah lama saya tak naik keretapi

- kata Dr. Mahathir

UM SUDAH lama saya tak naik keretapi," begitulah kata-kata Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebelum menjejak-

kan kakinya ke tangga keretapi mel malam ke Butterworth untuk merasmikan Kongres MIC yang berlangsung di Pulau Pinang hari ini.

Ketika ditanya kenapa beliau memilih keretapi untuk perjalanannya kali ini dan tidak menaiki kapal terbang seperti mana yang selalu dilakukan, beliau berkata, "Saya dengar banyak perubahan yang berlaku dalam Keretapi Tanah Melayu (KTM) jadi saya hendak lihat sejauh mana perubahan itu."

Ini merupakan kali

pertama bagi Datuk Sri Dr. Mahathir menaiki keretapi sejak beliau memegang jawatannya sebagai Perdana Menteri.

Turut hadir menyambut ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir di stesen keretapi malam tadi ialah Pengurus Besar KTM, Encik Ahmad Badri Mohd. Basir.